

Tinjauan Literatur Bersistematik: Pengaplikasian Elemen KBAT dalam
Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Bagi Membentuk
Kemenjadian Murid Tahap 2 Sekolah Rendah
(*A Systematic Literature Review on the Implementation of Higher Order Thinking
Skills in Malay Language Teaching and Learning to Shape the Holistic
Development of Level 2 Primary School Students*)

¹MOHAMAD FARID MD. DARIS, ²ZAMRI MAHAMOD &
³MUHAMMAD FIRDAUS MOHD SEDEK

¹*Sekolah Kebangsaan Bandar Easter, Felda Bukit Easter, 81907 Kota Tinggi, Johor, Malaysia*

²*Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.*

³*SJKC Chung Hua Trusan, Pekan Trusan, 98850 Lawas, Sarawak, Malaysia*

p158500@siswa.ukm.edu.my; d-zam@um.edu.my; p158503@siswa.ukm.edu.my

Dihantar: 14 April 2025 / Diterima 10 Jun 2025

Koresponden e-mel: d-zam@ukm.edu.my

ABSTRAK: Kajian mengenai elemen kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam konteks pendidikan semakin giat dijalankan dalam kalangan sarjana penyelidik di negara Malaysia. Antara isu yang sering kali dikaitkan dengan elemen KBAT ialah berkenaan tahap pengamalan KBAT guru kepada murid, pemahaman KBAT dalam kalangan murid dan pengaplikasian KBAT dalam jawapan soalan ujian lebih-lebih lagi bagi subjek Bahasa Melayu. Namun begitu, aspek pengaplikasian KBAT khususnya dalam subjek Bahasa Melayu bagi membentuk kemenjadian murid kurang ditekankan dalam kajian-kajian lepas. Kajian ini akan menumpukan terhadap kajian literatur bersistematik (*Systematic Literature Review*) berkaitan dengan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) Bahasa Melayu yang dilihat mampu untuk membentuk kemenjadian murid khusus bagi murid Tahap 2 di sekolah rendah. Kajian SLR ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu dengan mengumpulkan analisis dapatan yang telah diperoleh dalam artikel-artikel yang dirujuk. Artikel tersebut dicari menggunakan pangkalan data *Google Scholar*, *MyJurnal* dan *ERIC*. Proses pemilihan artikel berdasarkan proses carta alir *Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses* (PRISMA). Hasil kajian memperlihatkan sebanyak 15 artikel telah dikenal pasti dan menepati kriteria pemilihan. Seterusnya, artikel-artikel tersebut akan dianalisis berkaitan dengan aspek permasalahan, reka bentuk, metodologi dan dapatan kajian lepas bagi menjawab tujuan kajian SLR ini dijalankan: iaitu (i)menganalisis pemahaman dan pemilihan strategi KBAT yang diaplikasikan dalam PdP (ii)meneroka cabaran pelaksanaan KBAT yang diaplikasikan dalam PdP dan (iii)meneroka penerimaan dan penguasaan murid terhadap pengaplikasian KBAT dalam PdP. Dapatan yang diperoleh daripada SLR ini mendapati bahawa pemahaman dan pendekatan guru akan membawa kepada pengaplikasian KBAT. Cabaran yang timbul dalam melaksanakan KBAT pula ialah kekangan masa dan inovasi. Penerimaan dan penguasaan murid terhadap KBAT jelas terhasil dalam kemahiran menulis murid apabila KBAT dipupuk dalam pembelajaran. Oleh itu, kajian berkenaan kemenjadian murid khususnya murid Tahap 2 di sekolah rendah wajar untuk dikaji dan diluaskan pada masa akan datang.

Kata Kunci: *Kemahiran Berfikir Aras Tinggi; Pembelajaran dan Pengajaran Bahasa Melayu; Sekolah Rendah; Kemenjadian Murid; Tahap 2*

ABSTRACT: *Studies on elements of Higher Order Thinking Skills (HOTS) in the context of education are increasingly being conducted by academic researchers in Malaysia. Among the common issues often associated with HOTS are the level of teachers' practice of HOTS with students, students' understanding of HOTS, and the application of HOTS in answering test questions, particularly in the Malay Language subject. However, the aspect of HOTS application, especially in the Malay Language subject as a means to shape students' holistic development, has received less emphasis in previous studies. This study focuses on a Systematic Literature Review (SLR) related to HOTS in the teaching and learning (T&L) of the Malay Language, which is seen as capable of shaping the development of students, particularly among Level 2 pupils in primary schools. The SLR uses a qualitative approach by compiling and analyzing findings obtained from reviewed articles. These articles were sourced from the Google Scholar, MyJurnal and ERIC databases. The article selection process is based on the Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses (PRISMA) flowchart process. The results of the study showed that 15 articles had been identified and met the selection criteria. The articles are then analyzed based on aspects such as issues, research design, methodology, and previous findings to answer the objectives of this SLR, which are: (i) to analyze the understanding and selection of HOTS strategies applied in T&L; (ii) to explore the challenges of implementing HOTS in T&L; and (iii) to explore students' acceptance and mastery of HOTS in T&L. The findings obtained from this SLR indicate that teachers' understanding and approach lead to the effective application of HOTS. The challenges in implementing HOTS include time constraints and lack of innovation. Students' acceptance and mastery of HOTS are clearly reflected in their writing skills when HOTS is nurtured in learning. Therefore, further research on the holistic development of students, particularly Level 2 primary school pupils, is necessary and should be expanded in the future.*

Keywords: *Higher Order Thinking Skills; Teaching and Learning Malay Language; Primary School; Student Holistic Development; Level*

PENGENALAN

Pengamalan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam sesi pembelajaran dan pembelajaran (PdP) di dalam kelas sudah menjadi kelaziman dan keutamaan para guru ketika ini. Hal ini berikutan kerana, KBAT ini ditekankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM 2013) dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Amalan KBAT dalam pengajaran ini merupakan suatu amalan yang berpusatkan terhadap murid sepenuhnya dan guru adalah sebagai fasilitator yang membimbing murid untuk memahami sesuatu isi pengajaran yang disampaikan di dalam kelas (Elemen KBAT dalam Pedagogi, 2014). Jika murid menggunakan KBAT sepenuhnya atau secara efisien, murid tersebut berupaya untuk membentuk kemenjadian dalam dirinya yang akan membawa kesan positif terhadap pembelajaran di sekolah dan penggunaan pengetahuan yang diperoleh dalam kehidupan seharian. Justeru, KBAT dalam pengajaran Bahasa Melayu amatlah penting kerana mampu untuk melahirkan murid yang mahir dalam memikirkan idea di luar kotak dalam menjawab soalan yang berkaitan dengan keperluan untuk berfikir. Hal ini adalah sejajar dengan pernyataan yang dinyatakan oleh Fadilla dan Zamri (2019), bahawa Transformasi Pendidikan Negara yang membawa kepada penggubalan KSSR dan KSSM yang menyebabkan proses PdP akan berteraskan

kemahiran dan strategi berfikir terancang bagi mengembangkan minda murid.

Kajian Literatur Bersistematis (*Systematic Literature Review- SLR*) ini akan menghuraikan berkenaan dengan dapatan daripada kajian lepas berkaitan kepentingan amalan KBAT, penerimaan dan penguasaan murid terhadap KBAT dan sejauh manakah pengamalan KBAT mampu membentuk murid untuk menguasai sesuatu topik dalam pembelajarannya terutama bagi subjek Bahasa Melayu di sekolah. KBAT mampu membentuk individu yang mempunyai pemikiran berkualiti. Namun begitu, keberkesanan pelaksanaan KBAT amat bergantung kepada tahap penerimaan dan penguasaan murid terhadap pendekatan ini. Oleh itu, penting untuk kita menilai sejauh mana pengamalan KBAT benar-benar membantu murid dalam menguasai sesuatu topik terutamanya dalam subjek teras seperti Bahasa Melayu. Hal ini adalah selari dengan pandangan Anida et al. (2020), menyatakan bahawa guru Bahasa Melayu yang profesional ialah seorang guru yang dapat meletakkan subjek Bahasa Melayu sebagai subjek yang penting dalam sistem pendidikan negara. Bertitik-totak daripada pengamalan KBAT yang dilaksanakan oleh guru Bahasa Melayu di sekolah inilah yang akan membentuk kemenjadian murid. Kajian SLR ini akan menganalisis pengamalan

KBAT oleh guru dalam PdP yang turut menyentuh subjek Bahasa Melayu yang akan membawa kepada cabaran dalam menerapkan KBAT dan bagaimana tahap murid menguasai KBAT. Perkara tersebut akan membawa kepada kemenjadian murid secara amnya. Konteks murid yang ingin diketengahkan dalam SLR ini ialah murid Tahap 2 di sekolah

rendah yang terdiri daripada murid Tahun 4 hingga Tahun 6. Tempoh ini amat kritikal kerana mereka mula menunjukkan kematangan berfikir, berdiskusi dan membina asas yang kukuh untuk ke peringkat menengah.

OBJEKTIF KAJIAN

- Tinjauan literatur bersistematik ini bertujuan untuk:
1. Menganalisis pemahaman dan pemilihan strategi KBAT yang diaplikasikan dalam PdP.
 2. Meneroka cabaran pelaksanaan KBAT yang diaplikasikan dalam PdP.
 3. Meneroka penerimaan dan penguasaan murid terhadap pengaplikasian KBAT dalam PdP.

METODOLOGI KAJIAN

Reka Bentuk Kajian

Kebanyakan jurnal atau artikel yang diambil sebagai contoh dalam menghuraikan berkenaan dengan pengaplikasian KBAT adalah berbentuk kaedah kualitatif. Kaedah ini dapat dihuraikan dengan menyatakan bahawa ia adalah menumpukan terhadap eksplorasi fenomena sosial. Kaedah ini menekankan kepada pemahaman sikap dan teori sesuatu perkara yang dilakukan oleh manusia. Perkara ini adalah selari dengan pemilihan tajuk kertas konsep iaitu melibatkan tema KBAT. Menurut Moriarty (2011) menyatakan bahawa, kualitatif ialah suatu terma yang luas membawa kepada penggunaan dalam bidang sosiologi, antropologi, falsafah, psikologi sosial dan linguistik. Melalui pernyataan tersebut, adalah sesuai bagi kaedah kualitatif ini untuk digunakan kerana secara dasarnya kajian yang dilakukan ini adalah berada dalam ruang lingkup bidang linguistik. Kajian jenis kualitatif ini juga membantu pengkaji untuk memahami penerangan yang terperinci berkenaan sesuatu topik yang ingin dikaji. Menurut Loraine Busetto et al. (2020), kaedah kualitatif boleh merungkai persoalan “apa”, “bagaimana” dan “kenapa” berkenaan dengan topik kajian yang dilakukan. Pernyataan ini juga menyokong bagi pemilihan kaedah kualitatif dalam melaksanakan kajian ini. Hal ini kerana, tema

KBAT yang menjadi tunjang utama kajian akan melibatkan sepenuhnya persoalan mengenai apa, bagaimana dan kenapa perlu dilaksanakan dalam pengajaran Bahasa Melayu khususnya bagi murid Tahap 2 di Sekolah Rendah berikutan ia merupakan fokus kajian ini.

Berdasarkan Mohd Majid (2005), kaedah kualitatif ini juga menerangkan bahawa kajian yang akan dilakukan adalah menekankan terhadap pengalaman, persepsi dan sikap manusia terhadap fokus kajian yang digariskan. Penerangan konsep ini juga dilihat bersesuaian untuk diintegrasikan dalam kajian ini kerana tema utamanya ialah KBAT dan isi kandungan kajian akan melibatkan ketiga-tiga perkara yang dinyatakan oleh tokoh sarjana berkenaan dengan kaedah kualitatif. Ada juga artikel yang dirujuk menggunakan kaedah kuantitatif dengan melibatkan analisis terhadap dapatan kajian yang diperoleh bagi menghasilkan perbincangan dalam kajian yang dilakukan. Melalui topik kertas konsep yang dipilih, kaedah kualitatif dilihat lebih banyak digunakan oleh pengkaji lepas berikutan tema KBAT ini berkait dengan pemahaman dan penggunaan bagi membentuk sesuatu perkara yang akan membawa kepada perubahan dan peningkatan.

Pemilihan Artikel

Kebanyakan sampel yang dilihat menerusi kajian lepas yang berkait dengan tema kertas konsep ini adalah terdiri daripada guru itu sendiri. Namun, ada juga artikel lepas yang dirujuk memfokuskan kepada murid untuk mendapatkan hasil dapatan

berkenaan dengan tema KBAT yang dikaji. Hal ini adalah untuk memastikan hasil maklumat yang diperoleh menunjukkan keabsahan dan boleh dijadikan sebagai rujukan untuk menghasilkan dapatan kajian.

Instrumen

Kebanyakan kajian lepas yang dilihat bagi menjalankan kertas konsep ini melibatkan kaedah temu bual dan perangkaan soalan yang akan diajukan kepada sampel kajian bagi menjawab persoalan kajian yang telah ditetapkan. Kaedah temu bual ini menurut Parvathy et al. (2022) akan membawa kepada pemerhatian untuk melihat sejauh manakah fokus utama kajian dapat ditunjukkan secara jelas. Menurut Sulaiman et al.

(2021), menyatakan bahawa, kaedah temu bual menggunakan soalan berstruktur dan separa berstruktur akan membuatkan individu yang menjadi sampel kajian akan sentiasa terpandu untuk menjawab soalan yang ditanyakan kepada mereka. Aada juga artikel lepas yang dirujuk dalam menjalankan kertas konsep ini menggunakan, borang soal-selidik dan ujian sebagai instrumen dalam kajian yang dilakukan.

Pengumpulan Data

Proses pengumpulan data bagi artikel-artikel yang dirujuk bagi menjalankan kertas konsep ini adalah menggunakan analisis tematik. Selain itu, ada juga yang menggunakan rakaman verbatim dikumpulkan melalui hasil maklum balas responden yang ditemu bual. Selain itu, ada artikel yang

dirujuk menggunakan kaedah SPSS untuk mengumpulkan data. Hasil tersebut kemudian akan disusun mengikut objektif dan persoalan kajian yang telah ditetapkan untuk memastikan dapatan kajian dapat dihasilkan secara sistematik dan tersusun.

Analisis Data

Proses untuk menganalisis data yang dilakukan oleh pengkaji lepas bagi artikel yang dirujuk dalam menjalankan kertas konsep ini adalah, pengkaji akan menyusun segala maklum balas yang diperoleh daripada temu bual yang dijalankan terhadap responden iaitu sampel kajian mereka. Perisian seperti SPSS yang menggunakan analisis statistik deskriptif dan sisihan piawai digunakan bagi menganalisis maklumat yang diperoleh. Kajian ini merupakan SLR. Metode kajian yang digunakan ialah analisis dokumen terhadap artikel, jurnal dan tesis yang ditulis oleh para sarjana. Kajian ini merangkumi reka bentuk pembelajaran, metodologi, responden kajian dan dapatan. Kaedah SLR melibatkan langkah-langkah yang teratur untuk mencari, menilai dan menyampaikan maklumat dari pelbagai sumber literatur yang dipilih secara sistematik. Kaedah pencarian maklumat dilakukan dengan mengakses pangkalan data *Google Scholar* dan *MyJurnal* sebagai langkah untuk mendapatkan bahan yang berkualiti dan bersesuaian dengan keperluan kajian. Kaedah ini mengaplikasikan carian sistematik dengan

menggunakan kata kunci sepertimana prinsip SLR yang diterapkan oleh penyelidik moden (Abur Hamdi et al. 2020). Dalam kajian ini, kata kunci "*KBAT*", "*Sekolah Rendah*", "*Kemenjadian Murid*", "*Tahap 2*", "*Pemikiran Kritis*", "*Higher Order Thinking Skills*" dan "*KBAT Primary*" bagi mendapatkan data kajian.

Dalam menjalankan SLR ini, pengkaji telah menggunakan prosedur seperti *publication standard Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses* (PRISMA) (Moher et al. 2009). Pengaplikasian kaedah ini membantu penulisan literatur dengan lebih jelas dan tepat (Perrez & Reuchamps 2020). Terdapat empat peringkat dalam PRISMA, iaitu pengenalpastian (*identification*), saringan (*screening*), kelayakan (*eligibility*) dan termasuk (*included*). Proses ulasan kajian dan pemilihan dimulakan dengan meletakkan di ruang pencarian "*Kemahiran Berfikir Aras Tinggi*" dan "*Kemenjadian Murid*" untuk mencari kajian yang berkaitan. Rajah 1 menunjukkan proses pemilihan 15 artikel yang dianalisis dalam kajian ini.

Pengenalpastian (*Identification*)

Pada peringkat ini, pengkaji perlu menentukan skop kajian yang jelas agar dapat membantu proses kajian. Untuk melakukan pencarian tajuk, strategi pencarian secara elektronik perlu dilakukan terhadap sekurang-kurangnya satu pangkalan data utama (Liberati et al. 2009). Satu pangkalan data diperlukan bagi menggunakan strategi pencarian


elektronik melalui pencarian tajuk (Liberati et al. 2009). Ini disokong oleh Xiao dan Watson (2019) yang berpendapat bahawa penggunaan lebih daripada satu pangkalan data mampu menutup jurang kelompangan yang wujud. Pencarian dijalankan dengan mengakses pangkalan data seperti *Google Scholar*, *MyJurnal* dan *ERIC*.

Dalam kajian ini, kata kunci “Kemahiran Berfikir Aras Tinggi”, “KBAT” dan “kemenjadian murid” digunakan bagi mendapatkan data kajian. Enjin carian dalam pangkalan data membolehkan pengkaji mencari kosa kata yang sinonim atau kosa kata yang mewakili topik dalam kata kunci. Pemilihan kata kunci yang tepat perlu dilakukan bagi mendapatkan maklumat yang komprehensif

dan bersesuaian dengan topik yang dibincangkan. Semasa peringkat pengenalan pasti ini, sebanyak 140 artikel telah dikenal pasti dan akan ditapis. Jadual 1 menunjukkan bilangan artikel yang telah dikenal pasti serta pangkalan datanya.

JADUAL 1: Bilangan artikel mengikut pangkalan data

Pangkalan Data	Bilangan Artikel
Google Scholar	98
MyJurnal	31
ERIC	11



RAJAH 1: Carta alir PRISMA dalam proses pencarian sampel

Sumber: Moher et al. (2009)

Penapisan (*Screening*)

Pada peringkat ini pula, pengkaji menganalisis dokumen terhadap artikel jurnal dan kertas prosiding persidangan yang dihasilkan. Carian artikel dihadkan bermula tahun 2020 sehingga April 2025. Perbincangan mengenai pengaplikasian KBAT di peringkat sekolah giat dibincangkan dalam tempoh tersebut. Kajian ini mengaplikasikan kajian SLR yang meliputi tahun kajian, latar belakang, permasalahan kajian, metod dan dapatan kajian. Dalam kajian ini, Bahasa Melayu dipilih sebagai bahasa pengantar bagi artikel literatur. Dapatan hasil carian mendapati beberapa bahan rujukan yang diterima dengan kesesuaian untuk

dianalisis dalam SLR. Pada peringkat ini, 89 artikel telah dikeluarkan daripada senarai kerana faktor pertindihan dan pengulangan artikel yang sama dalam pangkalan data. Proses saringan diteruskan dengan mengeluarkan artikel yang tidak menepati kriteria kemasukan yang telah ditetapkan. Antara faktor penilaian yang ditetapkan dalam pemilihan artikel ialah tahun penerbitan bermula pada tahun 2019 sehingga yang terkini iaitu tahun 2025, jenis literatur jurnal dan prosiding persidangan dan penulisan artikel dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

JADUAL 2: Kriteria kemasukan dan pengecualian

Kriteria	Kemasukan	Pengecualian
<ul style="list-style-type: none"> Jenis Literatur Bahasa 	<ul style="list-style-type: none"> Jurnal atau prosiding Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris 	<ul style="list-style-type: none"> Buku Selain Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris
<ul style="list-style-type: none"> Tahun Terbit Indeks 	<ul style="list-style-type: none"> Tahun 2019-2025 Google Scholar, MyJurnal dan ERIC 	<ul style="list-style-type: none"> Kurang daripada tahun 2019 Selain Google Scholar, MyJurnal dan ERIC
<ul style="list-style-type: none"> Negara 	<ul style="list-style-type: none"> Malaysia 	<ul style="list-style-type: none"> Selain Malaysia

Kelayakan (*Eligibility*)

Pada fasa ketiga adalah kelayakan yang melibatkan pemilihan secara manual dengan memastikan bahawa artikel memenuhi kriteria kemasukan (Rajah 1) dan sesuai digunakan dalam kajian semasa bagi memenuhi objektif kajian. Proses ini dimulakan dengan membaca tajuk dan abstrak artikel dan keseluruhan artikel sekiranya tidak ada pemahaman yang jelas mengenai kerelevanan

artikel yang dipilih. Seterusnya, artikel yang tidak mematuhi kriteria dan tema akan dihapuskan. Sebanyak 51 artikel perlu dinilai tahap kelayakan mengikut kriteria kajian pada peringkat ini. Hasilnya, terdapat sebanyak 36 artikel tidak memenuhi kriteria kajian iaitu berkaitan dengan KBAT telah dihapuskan.

Termasuk (*Included*)

Pada peringkat terakhir dalam proses ini ialah termasuk. Semasa peringkat ini, pengkaji dapat mengenal pasti jumlah akhir artikel yang digunakan sebagai sampel kajian dalam SLR. Keseluruhannya,

sebanyak 15 artikel telah menepati kriteria dipilih pada peringkat ini dan digunakan untuk mengenal pasti kajian lepas berkaitan dengan KBAT.

SENARAI KAJIAN *SYSTEMATIC LITERATURE REVIEW*

Sebanyak 15 artikel yang memfokuskan perbincangan terhadap KBAT. Pemilihan bahan kajian merujuk kepada tujuan kajian dan dihadkan mengikut kata kunci yang telah dinyatakan dalam artikel ini. Jadual 2 menunjukkan perincian 15

artikel jurnal dan prosiding persidangan hasil SLR yang ditemui meliputi nama penulis, tahun terbit, tajuk artikel, nama jurnal, metodologi dan dapatan kajian.

Jadual 3: Senarai kajian SLR berkaitan KBAT

Bil	Tahun	Penulis	Tajuk	Nama Jurnal	Metodologi	Dapatan Kajian
1.	2021	Bernard Tahim Bael, Suppiah Nachiappan & Maslinda Pungut	Analisis kesediaan guru dalam pelaksanaan KBAT dalam pembelajaran, PdP abad ke 21	<i>Muallim Journal Social Science and Humanities</i>	Reka bentuk: Kualitatif Instrumen: Temu bual Sampel: 10 orang guru akademik	<ul style="list-style-type: none"> Guru-guru didapati mempunyai pemahaman yang tidak menyeluruh dan kurang jelas mengenai konsep dan pelaksanaan KBAT. Guru-guru masih belum menguasai sepenuhnya kandungan dan elemen penting dalam PAK21, menyebabkan pelaksanaan PAK21 tidak optimum. Guru-guru menunjukkan tahap kesediaan yang rendah dan belum bersedia sepenuhnya untuk melaksanakan KBAT secara efektif dalam PdPc abad ke-21.
2.	2021	Zarina Abu Baker & Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad	Keberkesanan penggunaan kaedah peta <i>i-think</i> dalam kalangan guru senior Bahasa Melayu Sekolah Kebangsaan di daerah Seremban	Jurnal Dunia Pendidikan	Reka bentuk: Kualitatif Instrumen: Temu bual Sampel: 3 orang guru senior perempuan	<ul style="list-style-type: none"> Penggunaan peta <i>i-Think</i> sebagai teknik pembelajaran abad ke-21 diterima baik oleh guru-guru. Peta <i>i-Think</i> memberikan impak positif dari segi emosi dan motivasi murid. Murid menunjukkan peningkatan tumpuan dan penglibatan semasa PdP. Peta <i>i-Think</i> membantu murid meningkatkan pemahaman serta mencetuskan idea-idea baharu dan bernas.
3.	2021	Chew Fong Peng & Nur Juliana Masingan Abdullah	Pengetahuan, sikap dan kesediaan pelajar terhadap KBAT dalam kemahiran menulis	<i>Journal of Malay Language, Education and Literature</i>	Reka bentuk: Kuantitatif berbentuk tinjauan deskriptif Instrumen: Borang soal selidik Sampel: 144 orang pelajar Tingkatan 2	<ul style="list-style-type: none"> Tahap pengetahuan, sikap dan kesediaan pelajar Tingkatan Dua terhadap penggunaan KBAT dalam kemahiran menulis Bahasa Melayu adalah tinggi. Terdapat perbezaan yang signifikan dari aspek sikap dan kesediaan pelajar mengikut jantina. Dapatan ini memberi impak penting kepada guru-guru dalam merancang dan melaksanakan pendekatan pengajaran yang lebih berkesan
4.	2022	Muhammad Affan bin Ahamad, Erda Wati binti Bakar & Jowati binti Juhary	KBAT melalui pendekatan konstruktivisme dalam pengajaran seni bahasa	<i>Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities</i>	Reka bentuk: Kualitatif Instrumen: Sorotan kajian lepas dan Analisis dokumen Sampel: Artikel jurnal pendidikan dan Kajian empirikal terdahulu	<ul style="list-style-type: none"> KBAT dalam aspek seni bahasa adalah melibatkan daripada gabungan melalui teori kompetensi dengan teori pendekatan konstruktivisme Kertas konseptual ini memberi panduan kepada para guru untuk mempraktikkan amalan KBAT dalam aspek seni bahasa di sekolah rendah. Terdapat perkaitan kompetensi guru dengan pendekatan konstruktivisme bagi penerapan KBAT dalam seni bahasa mempunyai impak yang positif dalam pengajaran guru.

- | | | | | | | |
|----|------|--|---|--|--|---|
| 5. | 2021 | George Romiko Bujang & Mary Fatimah Subet | Penggabungjalinan pendekatan semantik inkuisitif dengan KBAT dalam PdP bahan seni bahasa | <i>Journal of Malay Language, Education and Literature</i> | Reka bentuk: Kualitatif

Instrumen: Analisis teks bahan seni bahasa dan data daripada responden pelajar

Sampel: 7 orang murid Tahun 5 | <ul style="list-style-type: none"> ● Penggabungjalinan Pendekatan Semantik Inkuisitif dengan KBAT berupaya membantu pelajar merungkai makna tersirat yang terkandung dalam bahan seni bahasa. ● Pendekatan Semantik Inkuisitif yang digunakan telah memimpin pelajar meneroka maksud mendalam dan tersembunyi dalam teks, seterusnya menghasilkan proses pembelajaran yang lebih bermakna dan berkualiti. |
| 6. | 2021 | Nurulhuda Md Hassan, Nur An Nisa Fithri Mohd Noor, Yamuna Thasarathan, Qarihatun Najah Zainudin, Nur Syaidatul Aisyah Zainuri, Nurul Raihana Najwa Mohamad Rizuaden, Nurfara Adilah Muhamad Fauzi, Nurfatimah Tumin, Nur Afina Syahida Mohamad Jefri | Perspektif guru terhadap KBAT dalam kalangan pelajar | <i>Journal of Humanities and Social Sciences</i> | Reka bentuk: Kualitatif

Instrumen: Temu bual

Sampel: Seorang guru yang berpengalaman | <ul style="list-style-type: none"> ● Pelajar belum menguasai sepenuhnya KBAT, dan masih terdapat ruang untuk penambahbaikan. ● Perbezaan latar belakang pelajar seperti status sosioekonomi dan jenis sekolah memberikan kesan kepada keupayaan pelajar dalam mengaplikasikan KBAT. ● Guru memilih strategi pengajaran KBAT berdasarkan faktor-faktor seperti keupayaan pelajar, kemudahan yang tersedia dan suasana dalam bilik darjah. ● Penggunaan teknik menyoal secara berkesan mampu merangsang pemikiran aras tinggi dalam kalangan pelajar. ● Kaedah PAK21, pemberian soalan KBAT secara berterusan dan tugasan berkumpulan dapat membantu pelajar mengaplikasikan KBAT terutama semasa penilaian. |
| 7. | 2023 | Christina Andin & Rosmiza M.Z | Pengajaran KBAT merentas kurikulum: cabaran guru dalam pelaksanaan | Jurnal Pemikiran Pendidikan | Reka bentuk: Kualitatif

Instrumen: Temu bual

Sampel: 6 orang guru sekolah menengah | <ul style="list-style-type: none"> ● Guru menghadapi cabaran dalam menyesuaikan diri dengan keperluan inovasi pengajaran. ● Sebahagian guru mengakui kurang yakin untuk melaksanakan pendekatan berpusatkan pelajar serta menghadapi kesukaran dalam merancang aktiviti yang mampu merangsang pemikiran aras tinggi. ● Faktor persekitaran turut menyumbang kepada cabaran pelaksanaan KBAT. ● Guru merasakan pemantauan dan penilaian pelaksanaan dasar KBAT masih kurang berkesan. |
| 8. | 2021 | Sharwinthiran Thavarajah, Anida Sarudin, Zulkifli Osman, Husna Faredza Mohamed Redzwan, Wiwiek Afifah | Pentaksiran analitik dan holistik elemen KBAT dalam penulisan berdasarkan teori metafora konsepsi | Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu | Reka bentuk: Kualitatif

Instrumen: Senarai semak yang dibina berdasarkan prinsip-prinsip | <ul style="list-style-type: none"> ● KBAT dapat dikenalpasti dalam penulisan pelajar, khususnya dalam bahagian pendahuluan karangan jenis perbincangan. ● Dapatan menunjukkan bahawa pelajar menggunakan pelbagai jenis metafora konsepsi ● Penerapan Teori Metafora Konsepsi |

		& Mohd Amir Mohd Zahari		dalam Teori Metafora Konsepsi	membantu meneliti struktur pemikiran pelajar secara eksplisit	
				Sampel: 2 pendahuluan karangan pelajar Tingkatan 4	<ul style="list-style-type: none"> ● Pendekatan analitik dan holistik dalam pentaksiran membolehkan pemahaman lebih mendalam terhadap pemikiran murid. 	
9.	2023	Nik Roziainida Nik Lah & Shahlan Surat	Meneroka kefahaman guru mengenai KBAT dan amalan penyoalan guru pada tiga fasa pembelajaran	Jurnal Dunia Pendidikan	<p>Reka bentuk: Kuantitatif secara deskriptif</p> <p>Instrumen: Soal selidik berstruktur</p> <p>Sampel: 6 orang guru mata pelajaran Sains yang bukan opsyen</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Kesemua 6 orang peserta mempunyai pengetahuan mengenai KBAT. ● Para peserta kajian memperoleh maklumat mengenai KBAT melalui empat cara. ● Para peserta merasakan mereka masih belum memahami KBAT sepenuhnya. ● Para peserta kajian yakin bahawa proses pembelajaran yang menggunakan penerapan KBAT dapat menjadikan proses pembelajaran lebih interaktif.
10.	2020	Norziana Mat Rabi, Zulkifli Osman, Anida Sarudin, Husna Faredza Mohamed Redzwan & Norfishah Mat Rabi	Penerapan elemen KBAT dalam buku teks bahasa Melayu Tahun 6 Sekolah Rendah	<i>International Journal of Language Education and Applied Linguistics</i>	<p>Reka bentuk: Analisis kandungan</p> <p>Instrumen: Senarai semak elemen KBAT dan arahan aktiviti pembelajaran</p> <p>Sampel: Buku Teks Bahasa Melayu Tahun Enam (KSSR) edisi 2015</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Elemen KBAT hanya diaplikasikan sebanyak 29.70% dalam Buku Teks. ● Kemahiran Menulis mencatatkan penerapan tertinggi elemen KBAT, ● Kemahiran Membaca dan Bertutur menunjukkan tahap penerapan elemen KBAT yang lebih rendah. ● Elemen "mencipta" merupakan jenis kemahiran KBAT yang paling banyak diaplikasikan. ● Penerapan elemen KBAT tidak seimbang antara unit pelajaran, jenis kemahiran bahasa, dan jenis elemen KBAT.
11		Nuraffefa Hamdan, Yee Mei Heong, Azrol Jailani, Saiful Hadi Masran, Kok Boon Ching, Tee Tze Kiong & Mimi Mohaffyza Mohamad	Penggunaan gaya berfikir dan KBAT bagi menyelesaikan masalah dalam penghasilan produk: Analisis keperluan	Sains Insani	<p>Reka bentuk: Kuantitatif deskriptif</p> <p>Instrumen: Soal selidik</p> <p>Sampel: 320 orang pelajar secara rawak</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Sebanyak 90.9% murid melaporkan bahawa mereka menghadapi kesukaran semasa menyelesaikan k penyelesaian masalah. ● kesukaran menggunakan minda untuk mencari makna dan penyelesaian terhadap keraguan atau masalah yang timbul. ● kesukaran mencari idea untuk membangunkan sesuatu produk. ● Keperluan terhadap Ilmu Gaya Berfikir dan KBAT ● Seramai 95.6% pelajar menyatakan bahawa mereka memerlukan ilmu mengenai gaya berfikir dan KBAT.
12.	2020	Farah Aziana Abdul Aziz, Fadzilah Abd Rahman & Shamsudin	Strategi penerapan KBAT dalam pengajaran kemahiran menulis di Sekolah Rendah	<i>International Journal of Education and Training</i>	<p>Reka bentuk: Kajian kes</p> <p>Instrumen: Pemerhatian</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● 14 strategi yang digunakan secara aktif dalam PdP kemahiran menulis. ● Keenam-enam guru yang menjadi peserta kajian melaksanakan pengajaran berasaskan KBAT.

		Othman			langsung, temu bual separa struktur dan analisis dokumen	<ul style="list-style-type: none"> • Semua guru memulakan pengajaran KBAT dengan menentukan objektif, kesediaan murid, kaedah pengajaran yang bersesuaian dan aktiviti penilaian KBAT. • Terdapat perbezaan dalam kapasiti dan keberkesanan pelaksanaan KBAT.
13	2019	Mazarul Hasan Mohamad Hanapi & Norazimah Zakaria	Pemikiran aras tinggi melalui peribahasa dalam bahan multimedia untuk pengajaran Bahasa Melayu sekolah rendah	<i>International Journal of Modern Education</i>	<p>Reka bentuk: Kualitatif</p> <p>Instrumen: Panduan analisis kandungan, senarai semak elemen dan temu bual separa berstruktur</p> <p>Sampel: Episod-episod terpilih daripada siri animasi <i>Pada Zaman Dahulu</i> dan 5–10 orang guru Bahasa Melayu sekolah rendah</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Analisis kandungan mendapati bahawa peribahasa yang digunakan dalam siri kartun <i>Pada Zaman Dahulu</i> mampu merangsang pemikiran aras tinggi dalam kalangan murid. • Unsur semiotik menguatkan pemahaman peribahasa kerana kartun tersebut menggunakan visual, watak dan naratif untuk memaparkan hubungan penanda dan petanda secara berkesan • Dapatan menunjukkan bahawa murid lebih mudah membina makna peribahasa apabila mereka berpeluang menonton dan berbincang tentang episod kartun tersebut dalam suasana kolaboratif. • Kartun <i>Pada Zaman Dahulu</i> berjaya menarik minat murid terhadap pembelajaran peribahasa yang sebelum ini dianggap sukar dan membosankan.
14	2020	Noel Jimbai Balang, Zamri Mahamad & Nor Aishah Buang	Amalan KBAT Guru Bahasa Melayu dalam <i>Lesson Study</i> .	<i>Regional Conference on Lesson Study</i>	<p>Reka bentuk: kualitatif kaedah kajian tindakan</p> <p>Instrumen: Temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen</p> <p>Sampel: 7 orang guru Bahasa Melayu</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Guru Bahasa Melayu mengamalkan KBAT semasa pengajaran melalui pelbagai aktiviti pembelajaran murid. • Guru menunjukkan sikap positif dan kesediaan untuk melaksanakan <i>lesson study</i>. • Kejayaan pelaksanaan <i>lesson study</i> bergantung kepada pengurangan beban tugas guru. • Masa perjumpaan untuk <i>lesson study</i> perlu dimuatkan dalam jadual waktu mengajar supaya pelaksanaannya lebih efektif.
15	2021	Hairul Faiezi Lokman, Chin Mei Keong, Pushpavalli A/P A.Rengasamey & Hajarul Bahti Zakaria	Pengupayaan Unsur KBAT dan Cabaran Pelaksanaan Semasa Pandemik COVID-19	Persidangan Kebangsaan Amalan Pedagogi dan Pendidikan Inklusif 2021	<p>Reka bentuk: kualitatif (penyelidikan tinjauan)</p> <p>Instrumen: Borang soal selidik</p> <p>Sampel: 51 orang murid</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Pensyarah dalam ketiga-tiga opsyen bidang (Pendidikan Khas, TESL, dan Bahasa Melayu) telah berjaya mengupayakan empat unsur KBAT. • Cabaran melaksanakan KBAT semasa pandemik COVID-19 ialah kemahiran penggunaan teknologi maklumat yang kurang memadai, masalah capaian internet yang tidak stabil atau terhad dan kesukaran dalam mengaplikasikan unsur KBAT dalam sesi PdP secara dalam talian.

DAPATAN KAJIAN

Objektif 1: Menganalisis Pemahaman dan Pemilihan Strategi KBAT yang Diaplikasikan dalam Pengajaran dan Pembelajaran

Objektif 1 bertujuan untuk menjawab dua perkara, iaitu berkaitan pemahaman guru tentang KBAT dan pemilihan strategi pengajaran oleh guru Bahasa Melayu.

Pemahaman Guru terhadap KBAT

Berdasarkan artikel dan jurnal yang dipilih untuk dirujuk dalam menjalankan SLR ini, dapat dikatakan bahawa guru memerlukan pemahaman yang luas dalam memastikan aspek KBAT dapat dijalankan secara sepenuhnya kepada murid. Dapatan kajian yang dijalankan oleh Nik Rozialnida dan Shahlan (2023) menyatakan, guru faham mengenai apa itu KBAT tetapi tidak begitu mendalam. Laporan Awal Pencapaian PISA 2022 menunjukkan bahawa, 50.1% murid perempuan dan 66.2% murid lelaki hanya mencapai Aras Penguasaan 1a bagi Literasi Bacaan. Perkara ini menunjukkan betapa pentingnya amalan KBAT dalam subjek Bahasa Melayu secara amnya kerana ia terkandung di bawah Literasi Bacaan. Perkara ini adalah selari dengan pandangan yang dikatakan oleh Norziana (2020), bagi melahirkan murid yang mampu untuk berdaya saing, amalan KBAT perlu dilaksanakan terhadap murid semenjak daripada sekolah rendah lagi dan guru merupakan ejen utama

untuk memastikan perkara tersebut berlaku. Kadar pencapaian yang rendah sebegitu, hanya akan menunjukkan bahawa murid di Malaysia tidak mampu untuk mengaplikasikan dan menggunakan KBAT bagi memahami pembelajaran mereka, lalu meletakkan negara dalam kedudukan yang tidak memberangsangkan di mata dunia.

Selain itu, menurut Mohd Shafie (2021), menyatakan bahawa bagi membuatkan murid dapat menguasai sepenuhnya KBAT, amalan pengajaran yang disampaikan oleh guru perlulah ditukar seiring dengan peredaran masa. Hal ini bagi memastikan murid dapat memahami serta boleh menjawab soalan yang berkaitan dengan KBAT dengan baik. Pernyataan tersebut sejajar dengan pandangan Bernard et al. (2021), penekanan KBAT adalah amat penting terhadap guru, melalui pengamalan KBAT, pembelajaran PAK21 dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Pemilihan Strategi Pengajaran

Analisis artikel jurnal didapati guru-guru Bahasa Melayu menggunakan pelbagai strategi pengajaran. Analisis yang dibuat menemui guru-guru Bahasa

Melayu tiga strategi pedagogi, iaitu strategi konstruktivisme, inkuiri dan semantik inkuisitif

Strategi Konstruktivisme

Pemilihan strategi PdP dalam kalangan guru perlulah bersesuaian bagi memastikan KBAT dapat diterapkan kepada murid-murid di dalam kelas. Hal ini demikian kerana melalui pemilihan strategi yang tepat, murid dapat mengetahui dan mengaplikasikan KBAT dalam pengetahuan sedia ada mereka bagi memudahkan mereka membentuk kemenjadian dalam diri mereka. KBAT membantu murid untuk berfikir secara mendalam dan tidak bergantung semata-mata kepada hafalan fakta. Melalui pendekatan pedagogi seperti pembelajaran berasaskan inkuiri, pemecahan masalah dan pembelajaran kolaboratif, murid diasah untuk menilai maklumat secara objektif. Perkara ini juga sejajar dengan pandangan yang dikatakan oleh Alihuddin et al. (2014) yang menyatakan bahawa untuk mencapai hasrat KPM dalam menerapkan

elemen KBAT, satu kaedah pembelajaran yang sesuai perlu dilaksanakan bagi menarik minat murid.

Dapatan daripada artikel Noel Jimbai et al. (2020) menyatakan, guru Bahasa Melayu telah menerapkan pendekatan dan strategi konstruktivisme dalam amalan KBAT bagi melaksanakan PdP. Hasilnya, murid bersedia dengan perkara baharu yang ditempuh sewaktu PdP Bahasa Melayu ketika di dalam kelas, mencungkil bakat mereka dan membolehkan murid mengembangkan pengetahuan mereka. Guru menyediakan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) atau *Lesson Plan* dengan teliti supaya menunjukkan amalan KBAT ketika menyampaikan PdP kepada murid. Dapatan kajian yang dijalankan oleh Zarina dan Wan Muna Ruzanna (2021) pula menerangkan

bahawa, pengaplikasian peta *i-Think* oleh guru terhadap murid bagi sesuatu topik yang diajar mampu membina pengetahuan baharu kepada murid selari dengan teori konstruktivisme. Murid lebih mudah untuk mengingat isi pelajaran jika menggunakan peta *i-Think* dan objektif pengajaran yang ditetapkan oleh guru dapat dicapai, seterusnya meningkatkan pencapaian murid yang secara tidak langsung turut membentuk kemenjadian murid untuk mempunyai pengetahuan yang luas dalam sesuatu perkara yang dipelajari. Pengkaji tersebut juga menyatakan pendidikan yang efektif akan mampu untuk membentuk masyarakat yang berminda kelas pertama dan setaraf dengan negara-negara maju yang lain.

Huraian tersebut bertepatan dengan dapatan kajian Muhammad Affan et al. (2022) yang

menyatakan, guru Bahasa Melayu perlulah menggunakan pendekatan konstruktivisme dalam pengajaran seni bahasa dan menjalinkan dengan elemen KBAT bagi menjadikan pengajaran lebih menarik untuk murid fahami elemen KBAT yang digunakan oleh guru. Kaitan antara KBAT dan PAK21 ini akan membawa kepada kemenjadian murid. Jika murid mampu menjawab soalan KBAT dengan baik, maka secara tidak langsung, kemenjadian murid telah dapat dibentuk melalui pengaplikasian KBAT yang berkesan dalam strategi pengajaran yang dipilih oleh guru itu sendiri. Pendekatan konstruktivisme ini juga turut disentuh mengenai kepentingannya dalam melaksanakan KBAT dalam kajian yang dilakukan oleh Nik Rozialnida dan Shahlan (2023).

Strategi Inkuiri

Pembelajaran secara inkuiri ini bermaksud murid mencari, meneroka dan menyiasat masalah serta menggunakan deria dan kognisi seperti yang dinyatakan oleh Nur Aqilah dan Noor Dayana (2020). Selain daripada pendekatan konstruktivisme untuk menerapkan KBAT dalam PdP, guru juga boleh menggunakan kaedah pengajaran jenis inkuiri untuk diterapkan kepada murid di dalam kelas. Berdasarkan dapatan kajian yang dilakukan oleh Anida et al. (2020), menyatakan guru yang mengajar Bahasa Melayu

kepada murid Orang Asli di sekolah menengah di negeri Perak telah menggunakan pendekatan inkuiri ketika mengajar di dalam kelas. Guru akan menyoal kepada murid dan meminta murid mengaitkannya dengan topik yang dibincangkan. Kemudian, murid akan memberi respon yang aktif terhadap soalan yang diberi. Dapatan kajian ini juga selari dengan pendapat yang dinyatakan oleh Syed Abu Bakar (2022), dengan menghubungkan kaedah inkuiri dalam PdP akan membuatkan proses PdP itu menjadi lebih menarik.

Strategi Semantik Inkuisitif

Menurut artikel yang dirujuk dalam menjalankan SLR ini yang dikaji oleh George Romiko dan Mary Fatimah (2021), mendapati bahawa sekiranya murid Tahun 5 mempelajari sajak dalam subjek Bahasa Melayu menggunakan pendekatan semantik inkuisitif, murid akan mampu untuk menjadi lebih kreatif dan inovatif dalam memberi jawapan bagi soalan yang diberi oleh guru. Murid boleh meneroka makna bagi sesuatu perkataan dan mengaitkan apa yang mereka fahami untuk mengembangkan lagi makna bagi sajak yang dipelajari oleh mereka di dalam kelas. Perkara ini adalah selari dengan pendapat yang dikeluarkan oleh Mary Fatimah dan Mohd Ridzuan (2019) yang menyatakan bahawa dengan menggunakan pendekatan semantik inkuisitif bagi pengajaran peribahasa Bahasa Melayu di sekolah menengah, ia memudahkan tugas guru untuk memberi kefahaman

kepada murid ketika mengajar peribahasa di dalam kelas.

Kajian oleh Nuraffefa et al. (2021) menekankan bahawa penyelesaian masalah memerlukan pemikiran kompleks iaitu KBAT, dan gaya berfikir seseorang individu perlu dikenal pasti untuk mengaplikasikan KBAT secara berkesan. Pernyataan ini jelas menunjukkan bahawa, sekiranya KBAT dilaksanakan dengan sebaiknya, kemenjadian murid dapat dibentuk. Melalui teknik-teknik PdP yang mempunyai kaitan dengan KBAT, sudah pastilah pengaplikasian KBAT dalam kalangan murid akan berhasil untuk melahirkan apa yang dimahukan oleh para guru subjek Bahasa Melayu terutamanya iaitu murid yang mampu untuk menghubungkan apa yang mereka ketahui dengan kehendak pembelajaran yang disandarkan kepada murid.

Objektif 2: Meneroka Cabaran Pelaksanaan KBAT yang Diaplikasikan dalam PdP

Tinjauan berikutnya adalah berkaitan dengan cabaran untuk mengaplikasikan KBAT dalam PdP. Pengaplikasian KBAT kepada murid oleh kalangan guru di sekolah memerlukan usaha yang tinggi dan efisien. Melalui dapatan kajian yang diperoleh

daripada artikel dan jurnal yang dipilih untuk menjalankan SLR ini, terdapat dua cabaran utama yang dikenal pasti bagi melaksanakan KBAT dalam PdP, iaitu kekangan masa dan tiada kerjasama, serta inovasi pedagogi.

Kekangan Masa dan Tiada Kerjasama

Berdasarkan dapatan kajian Nurulhuda et al. (2021) yang menerangkan bahawa, faktor kekangan masa dalam kalangan guru merupakan cabaran utama yang dihadapi oleh guru di sekolah dalam menerapkan elemen KBAT kepada murid. Guru perlu mengejar silibus dan disebabkan itu, guru tidak mempunyai peruntukan masa yang mencukupi untuk mengaplikasikan KBAT di dalam kelas. Selain itu, menurut dapatan kajian yang dilakukan oleh Christina dan Rosmiza (2023),

menyatakan bahawa ketiadaan kerjasama dalam kalangan persekitaran di sekolah membuatkan elemen KBAT sukar untuk diaplikasikan kepada murid dalam kalangan guru. Jika guru tidak mendapatkan sokongan yang kuat dalam kalangan rakan sekerja misalnya, ianya membuatkan seseorang guru itu agak sukar untuk mengimplimentasikan KBAT kepada murid yang diajar. Dapatan daripada dua artikel tersebut menjelaskan cabaran dalam pelaksanaan KBAT.

Inovasi Pedagogi

Aspek inovasi juga merupakan cabaran dalam melaksanakan KBAT berdasarkan dapatan kajian artikel yang telah dipilih untuk dirujuk bagi menjalankan SLR ini. Berdasarkan Christina dan Rosmiza (2023), kajian mereka mendapati guru berpendapat bahawa, inovasi dalam PdP yang mampu untuk mendorong KBAT dalam kalangan murid hanya sesuai untuk digunakan bagi murid yang bijak dan di sekolah berprestasi tinggi sahaja. Murid yang berada di kelas sekolah harian terutama murid yang berada di kelas hujung agak sukar untuk

memahami inovasi dalam KBAT jika guru menggunakannya ketika proses PdP. Artikel tersebut juga turut menekankan bahawa, guru perlu kreatif dalam mengajarkan KBAT kepada murid. Kreatif itu sendiri yang akan membawa kepada berlakunya inovasi. Dapatan ini disokong oleh pernyataan Hairul Faiezi Lokman et al. (2021) yang menyatakan bahawa bahan pengajaran yang terhad akan membawa kepada keterbatasan pemahaman bagi soal KBAT dalam PdP. Bahan pengajaran sangatlah berkait-rapat dengan inovasi.

Objektif 3: Meneroka Penerimaan dan Penguasaan Murid terhadap Pengaplikasian KBAT dalam PdP

Berdasarkan dapatan kajian artikel Farah Aziana et al. (2020) menyatakan bahawa, murid Tahun 5 mampu untuk mengimplementasikan KBAT dalam kemahiran menulis menggunakan kemahiran menganalisis, menilai dan mencipta. Hasilnya, murid dapat menghasilkan sebuah karangan yang menarik. Hal ini berlaku disebabkan jika guru menyediakan pengetahuan KBAT yang secukupnya kepada murid, murid secara tidak langsung dapat mengeluarkan pemahaman mereka dalam kemahiran bagi subjek yang dipelajari oleh mereka khususnya bagi subjek Bahasa Melayu. Perkara ini disokong dengan pernyataan kajian yang dilakukan oleh Mazarul Hassan dan Norazimah (2024), menyatakan bahawa penggunaan bahan multimedia, seperti animasi kartun "*Pada Zaman Dahulu*", dalam pengajaran

peribahasa untuk merangsang KBAT dalam kalangan murid sekolah rendah. Pendekatan ini memanfaatkan teori semiotik, yang menekankan pentingnya simbol dan tanda dalam membantu murid memahami makna peribahasa melalui hubungan antara penanda dan petanda. Penggunaan bahan visual ini bertujuan untuk menjadikan pembelajaran lebih menarik dan membantu murid mengaitkan peribahasa dengan konteks kehidupan sebenar

Menurut kajian yang dilakukan oleh Nik Roziainida dan Shahlan (2023), menyatakan bahawa, KBAT mampu membentuk murid yang boleh menilai dan membuat refleksi bagi pembelajaran yang diterima oleh mereka. Hal ini akan membawa kepada murid yang berpengetahuan luas dan boleh menggunakan pengetahuan yang

dikuasai pada tahap yang optimum. Dapatan kajian ini juga sesuai untuk guru Bahasa Melayu di sekolah rendah meluaskannya kepada murid Tahap 2. Hal ini demikian kerana, murid-murid sudah mula mempelajari topik-topik yang agak konkrit seperti memberi pendapat dan menulis karangan berformat dan tidak berformat. Sekiranya murid-murid Tahap 2 didedahkan dengan elemen KBAT, mereka boleh mengaplikasikan dalam isi pembelajaran mereka.

Kajian yang dilakukan oleh Chew dan Nur Juliana (2021) menunjukkan murid Tingkatan 2 mampu untuk menggunakan KBAT dalam

kemahiran menulis Bahasa Melayu mereka dan menunjukkan reaksi positif dalam penggunaan KBAT. Hal ini kebiasaannya dipengaruhi oleh penerapan KBAT di dalam kelas dan memungkinan murid-murid ini sudah didedahkan dengan awal berkenaan elemen KBAT di sekolah rendah. Perkara ini seterusnya membuatkan murid boleh menggunakan pengetahuan sedia ada dalam soalan yang perlu dijawab bagi kemahiran menulis. Dapatan kajian ini boleh dijadikan sebagai contoh untuk penggunaan KBAT kepada murid Tahap 2 kerana mereka juga telah ditekankan soal kemahiran menulis.

PERBINCANGAN

Kajian Sistematis Literatur (SLR) yang dijalankan ini dilakukan dengan menggunakan pangkalan data seperti *Google Scholar*, *MyJurnal* dan *ERIC* sebagai cara untuk mencari maklumat berkaitan dengan tajuk kajian. Berdasarkan analisis SLR, dapatan kajian mendapat bahawa kajian mengenai pengaplikasian KBAT banyak dilakukan oleh pengkaji-pengkaji lepas, tetapi agak kurang menekankan soal kepentingannya dalam membangunkan kemenjadian murid khususnya bagi murid Tahap 2 di sekolah rendah. Kebanyakan artikel yang dipilih untuk dirujuk bagi menjalankan kajian literatur bersistematis ini adalah membincangkan aspek pemahaman guru dan murid soal KBAT, pendekatan yang sesuai digunakan untuk menerapkan KBAT kepada murid dan penilaian tahap aplikasi KBAT dalam soalan yang dijawab oleh murid.

Namun, hasil dapatan daripada artikel-artikel tersebut sesuai untuk digunakan dan dijadikan untuk menjawab tujuan SLR ini dijalankan kerana melalui tahap pemahaman guru terhadap KBAT dan pendekatan yang digunakan oleh guru untuk melaksanakan KBAT kepada murid boleh dipanjangkan pengaplikasiannya kepada murid Tahap 2 di sekolah rendah. Antaranya ialah, pendekatan konstruktivisme dalam rancangan pengajaran harian oleh guru yang akan menyebabkan murid berasa bersedia untuk menempuh perkara atau pengetahuan baharu ketika proses PdP Bahasa Melayu di dalam kelas. Selain itu, penggunaan peta *i-Think* bagi menekankan KBAT dalam topik-topik yang dipelajari dalam subjek Bahasa Melayu, penekanan aspek konstruktivisme dalam pengajaran seni bahasa, pendekatan inkuiri dan pendekatan semantik inkuisitif dalam pengajaran sajak. Dapatan daripada artikel-artikel yang dirujuk boleh menjawab tujuan kajian yang pertama.

Selain itu, aspek cabaran dalam mengaplikasikan KBAT melalui dapatan kajian artikel yang dirujuk ialah kekangan masa dan kerjasama serta inovasi merupakan cabaran yang paling dominan. Ketiadaan kerjasama dalam kalangan guru, kekangan masa guru yang mahu mengejar silibus serta kekurangan inovasi untuk menghasilkan bahan bantu mengajar yang menarik kepada murid untuk meluaskan aspek KBAT menjadi penghalang untuk menjayakan KBAT secara sepenuhnya kepada murid. Melalui cabaran yang dinyatakan, kajian akan datang bagaimana cabaran tersebut diatasi untuk membentuk kemenjadian murid Tahap 2 melalui pengaplikasian KBAT amat sesuai untuk dikaji dan dijalankan. Dapatan tersebut bersesuaian untuk menjawab tujuan kedua kajian.

Seterusnya, dapatan artikel yang menunjukkan tahap penguasaan murid Tahun 5 yang mengaplikasikan pengetahuan mengenai KBAT dalam penulisan karangan dan kesinambungan pemahaman dalam penulisan karangan di sekolah menengah menunjukkan relevan untuk menekankan soal KBAT dalam kalangan murid Tahap 2 di sekolah rendah kerana aspek kemahiran menulis juga ditekankan dalam pembelajaran Bahasa Melayu secara khususnya. Murid juga mampu untuk membuat refleksi soal apa yang dipelajari oleh mereka jika KBAT diaplikasikan kepada mereka oleh guru di sekolah. Dapatan kajian ini mampu untuk menjawab tujuan kajian yang ketiga. Jika guru tidak meluaskan pengetahuan KBAT kepada murid dengan aktif, jawapan yang akan dihasilkan oleh murid juga akan menjadi kurang berkualiti selari dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh Chew dan Zul Hazmi (2018) yang dapatannya ini dijadikan sebagai contoh pengukuhan.

Berdasarkan dapatan kajian artikel jurnal yang dipilih untuk dirujuk, terdapat satu kelompokan

iaitu kemenjadian murid berdasarkan pengaplikasian KBAT. Perkara ini dilihat sangat penting dan relevan untuk dikaji kerana melalui pemahaman KBAT yang sepenuhnya, guru dapat meluaskan pengetahuannya itu kepada murid yang diajar di dalam kelas. Hal ini lebih kukuh jika dipanjangkan kepada murid Tahap 2 di sekolah

rendah kerana sebagai persediaan mereka untuk mengaplikasikan pengetahuan mereka dalam KBAT yang telah dipupuk di sekolah rendah bagi menyerlahkan lagi kemenjadian mereka di sekolah menengah.

KESIMPULAN

Penerapan KBAT dalam pendidikan sememangnya penting dalam membentuk kemenjadian murid Tahap Dua di sekolah rendah yang merangkumi pembangunan aspek intelektual, emosi dan sosial secara seimbang. KBAT berupaya melahirkan murid yang mampu berfikir secara kritis, kreatif dan reflektif dalam menyelesaikan masalah harian serta membuat keputusan yang rasional dalam pelbagai situasi (KPM 2019; Sidek & Mohamad 2021). Walaupun pelbagai kajian terdahulu telah memberi tumpuan kepada pelaksanaan KBAT oleh guru serta tahap penerimaan dan kefahaman murid terhadap konsep ini, namun terdapat kekurangan dari segi penilaian impak langsung KBAT terhadap aspek kemenjadian murid secara holistik (Anida et al. 2020; Christina & Rosmiza 2023; Nor Azlina & Tan 2022). Dalam konteks pendidikan rendah, kemenjadian murid bukan sahaja ditentukan oleh pencapaian akademik, tetapi juga oleh kebolehan mengaplikasi nilai murni, kemahiran insaniah, serta kecekapan dalam berkomunikasi dan bekerjasama dengan rakan sebaya.

Kajian ini menekankan pentingnya guru memahami dan mengaplikasikan strategi pedagogi yang bersesuaian dengan matlamat KBAT seperti pembelajaran berasaskan inkuiri, teori konstruktivisme, dan pendekatan kolaboratif. Strategi ini bukan sahaja merangsang pemikiran aras tinggi dalam kalangan murid, tetapi juga membina keupayaan mereka untuk berfungsi

sebagai murid abad ke-21 yang mampu menyesuaikan diri dengan perubahan global (Zakaria & Liew 2021). Namun demikian, pelaksanaan KBAT masih berdepan dengan pelbagai cabaran, termasuk kekangan masa untuk merancang pengajaran yang berpusatkan murid, kurangnya latihan profesional secara berterusan kepada guru, serta kurangnya kolaborasi antara pihak pentadbir sekolah dan guru dalam mewujudkan budaya sekolah yang menyokong pemikiran kritis (Bernard et al. 2021; Rahman et al. 2020).

Implikasi utama daripada dapatan kajian ini adalah perlunya penyelidikan lanjutan yang meneliti secara mendalam hubungan antara pengaplikasian KBAT dan kemenjadian murid dalam jangka panjang. Penyelidikan sebegini penting untuk merangka dasar dan amalan pengajaran yang lebih efektif dan mampan, sejajar dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia yang menekankan keperluan melahirkan generasi murid yang berfikiran kritikal, kreatif, dan inovatif untuk menghadapi cabaran abad ke-21 (KPM 2013; Yunus & Hashim 2023). Dengan memperkukuh pemahaman tentang impak KBAT terhadap perkembangan menyeluruh murid, guru dan penggubal dasar dapat membangunkan ekosistem pembelajaran yang lebih responsif dan berimpak tinggi.

RUJUKAN

- Abur Hamdi Usman, Muhammad Fakhur Razi Shahabudin, Marlon Pontino Guleng, Razaleigh Muhamad @ Kuwangit. 2020. Systematic Literature Review on The Requirement Of Quranic Psychotherapy Model: Paedophilia Recovery Foundation. *Humanities & Social Sciences Reviews*, 8(2): 862-869.
- Anida Sarudin, Zulkifli Osman, Husna Faredza Mohamed Redzwan, Mohd Amir Mohd Zahari & Marlina Idris. 2020. Analisis pelaksanaan elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam kalangan guru Bahasa Melayu di sekolah menengah Orang Asli. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 10(1): 48 – 63.
- Bernard Tahim Bael, Suppiah Nachiappan & Maslinda Pungut. 2021. Analisis kesediaan guru dalam pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam pembelajaran, pengajaran dan pemudahcaraan abad ke 21. *Muallim Journal Social Science and Humanities*, 5(1): 100-119.
- Chew Fong Peng & Nur Juliana Masingan Abdullah. 2021. Pengetahuan, sikap dan kesediaan pelajar terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam kemahiran

- menulis. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12(2): 29-43.
- Chew Fong Peng & Zul Hazmi Hamad. 2018. Kemahiran berfikir aras tinggi dalam pembelajaran dan pemudahcaraan Bahasa Melayu melalui teknik penyoalan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 8(1): 1-12.
- Christina Andin & Rosmiza M.Z. 2023. Pengajaran KBAT merentas kurikulum: cabaran guru dalam pelaksanaan. *Jurnal Pemikiran Pendidikan*, 11: 61-72.
- Fadilla Layang & Zamri Mahamood. 2019. Tahap Pengetahuan, Kesediaan dan Sikap Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah dalam Melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran Peta Pemikiran i-Think. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 44(1): 37-44.
- Farah Aziana Abdul Aziz, Fadzilah Abd Rahman & Shamsudin Othman. 2020. Strategi Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Pengajaran Kemahiran Menulis di Sekolah Rendah. *International Journal of Education and Trainin*, 6(2): November: 1-14.
- Francois Randour, Julien Perrez & Min Reuchamps. 2020. Twenty years of research on political discourse. *Sage Publications*, 31(4): 428-443
- George Romiko Bujang & Mary Fatimah Subet. 2021. Penggabungjalinan pendekatan semantik inkuisitif dengan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam pengajaran-pembelajaran bahan seni bahasa. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12(2): 55-66.
- Jo Moriarty. 2011. *Qualitative Methods Overview*. London: School for Social Care Research, Kings College.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2014. *Elemen KBAT dalam Pendidikan*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2019. *Buku Panduan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2023. *Laporan Tahunan PPPM 2021–2025*. Putrajaya.
- Liberati, A., Altman, D.G., Tetzlaff, J., et al. 2009. The PRISMA Statement for Reporting Systematic Reviews and Meta-Analyses of Studies That Evaluate Health Care Interventions: Explanation and Elaboration. *Annals of Internal Medicine*, 151:65-94.
- Lorraine Busetto, Wolfgang Wickv & Christoph Gumbinger. 2020. How to use and assess qualitative research methods. *Neurological Research and Practice*, 29(14): 1-10
- Mazarul Hasan Mohamad Hanapi & Norazimah Zakaria. 2019. Pemikiran aras tinggi (kbat) melalui peribahasa dalam bahan multimedia untuk pengajaran bahasa melayu sekolah rendah. *International Journal of Modern Education*, 1(1): 28-38.
- Mohd Majid Konting. 2005. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Affan Ahamad, Erda Wati Bakar & Jowati Juhary. 2022. Kemahiran Berfikir Aras Tinggi melalui pendekatan konstruktivisme dalam pengajaran seni bahasa. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(7).
- Moher, D., Liberati, A., Tetzlaff J., & Altman, D. G. 2009. Preferred reporting items for systematic reviews and meta-analyses: the PRISMA statement. *PLos Medicine*, 6(7). Diakses daripada <https://doi.org/10.1136/bmj.b2535>
- Nik Roziainida Nik Lah & Shahlan Surat. 2023. Meneroka kefahaman guru mengenai KBAT dan amalan penyoalan guru pada tiga fasa pembelajaran. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 5(20): 154–165.
- Noel Jimbai Balang, Zamri Mahamod & Nor Aishah Buang. 2020. Amalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Guru Bahasa Melayu dalam Lesson Study. *Regional Conference on Lesson Study (ReCoLS 2020)*. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norziana Mat Rabi, Zulkifli Osman, Anida Sarudin, Husna Faredza Mohamed Redzwan & Norfishah Mat Rabi2. 2020. Penerapan elemen kemahiran berfikir aras tinggi dalam buku teks bahasa melayu tahun enam sekolah rendah. *International Journal Of Language Education and Applied Linguistics*, 10(2): 57–67.
- Nuraffefa Hamdan, Yee Mei Heong, Azrol Jailani, Saiful Hadi Masran, Kok Boon Ching, Tee Tze Kiong & Mimi Mohaffyza Mohamad. Penggunaan gaya berfikir dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi bagi menyelesaikan masalah dalam penghasilan produk: Analisis keperluan. *Sains Insani*, 6(2):182-192.
- Nur Aqilah Rozali & Noor Dayana Abd Halim. 2020. Kesan pembelajaran berasaskan inkuiri dengan integrasi video terhadap pencapaian pelajar dalam pembelajaran Matematik. *Innovative Teaching and Learning Journal*, 3(2): 42–60.

- Nurulhuda Md Hassan, Nur An Nisa Fithri Mohd Noor, Yamuna Thasarathan, Qarihatun Najah Zainudin, Nur Syaidatul Aisyah Zainuri, Nurul Raihana Najwa Mohamad Rizuaden, Nurfara Adilah Muhamad Fauzi, Nurfatihah Tumin, Nur Afina Syahida Mohamad Jefri. 2021. Perspektif guru terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam kalangan pelajar. *Journal of Humanities and Social Sciences*, 3(20): 50-56.
- Rahman, M. A., Ismail, S., & Tan, P. 2020. Challenges in implementing HOTS in Malaysian classrooms. *Asia Pacific Journal of Education*, 40(3): 221–233.
- Sidek, N. A. & Mohamad, M. S. 2021. KBAT dalam kalangan murid sekolah rendah: Tinjauan amalan dan cabaran. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 46(2): 33–45.
- Sharwinthiran Thavarajah, Anida Sarudin, Zulkifli Osman, Husna Faredza Mohamed Redzwan, Wiwiek Afifah & Mohd Amir Mohd Zahari. 2021. Pentaksiran analitik dan holistik elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam penulisan berdasarkan teori metafora konsepsi. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 11(1): 1-15.
- Xiao, Y., & Watson, M. 2019. Guidance on conducting a systematic literature review. *Journal of Planning Education and Research*, 39(1): 93-112.
- Yuen Fen Hiew & Kenny S.L Cheah. 2022. Penerokaan strategi guru untuk menggalakkan pemikiran kritis dalam kalangan Pelajar di dua sekolah vernakular Cina, Selangor. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 9(3): 50-67.
- Yunus, M. M., & Hashim, H. 2023. Strategi pengajaran untuk pembelajaran abad ke-21: Kajian kes di sekolah rendah. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 20(1): 113–130.
- Zakaria, H., & Liew, C. L. 2021. Problem-Solving and Critical Thinking through Project-Based Learning. *Malaysian Journal of Education*, 46(1): 77–90.
- Zarina Abu Baker & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. 2021. Keberkesanan penggunaan kaedah peta *I-think* dalam kalangan guru senior Bahasa Melayu Sekolah Kebangsaan di daerah Seremban. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(2): 32-43.